

09/01/2003

Tarikh meterai perjanjian khas dipersetujui

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Malaysia dan Singapura sudah mencapai persetujuan berhubung tarikh bagi menandatangani perjanjian khas yang akan membuka jalan kepada penyelesaian isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia mencadangkan tiga tarikh dan Singapura bersetuju dengan ketiga-tiga tarikh berkenaan.

"Jadi saya memilih salah satu daripada tarikh itu. Perjanjian ini akan ditandatangani tidak lama lagi.

"Kita sedang menentukan tempat untuk menandatangani perjanjian itu. Esok atau lusa saya akan umumkan," katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat Menteri Luar Ireland, Brian Cowen di Wisma Putra di sini, semalam.

Cowen yang pertama kali melawat negara ini, dalam rangka lawatan empat hari dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang, terutama perdagangan, teknologi maklumat (IT) dan pendidikan.

Singapura sebelum ini mencadangkan supaya perjanjian khas itu ditandatangani pada 27 atau 28 Januari ketika mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (EU) di Brussels, Belgium.

Bagaimanapun, Malaysia mempertikaikan rasional tarikh dan tempat yang dicadangkan Singapura kerana ia dianggap tidak sesuai, selain menggambarkan republik itu mempunyai agenda tertentu dengan tidak menandatangani perjanjian berkenaan di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika di Langkawi, Sabtu lalu berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan Singapura memilih Brussels sebagai tempat menandatangani perjanjian khas itu.

Dr Mahathir turut mempersoalkan tindakan Singapura memilih tempat yang begitu jauh untuk menandatangani perjanjian khas berkenaan, sedangkan ia boleh dilakukan di sini.

Perjanjian khas itu membabitkan persetujuan kedua-dua pihak bagi menerima sebarang keputusan yang diputuskan ICJ kelak.

Dengan persetujuan membawa kes itu ke ICJ, Syed Hamid menegaskan bahawa status quo pulau terbabit kekal dan tiada negara boleh menuntut hak eksklusif sehingga kedaulatan pulau itu diputuskan ICJ.

Beliau juga berkata, ini bermakna Malaysia seperti Singapura berhak meronda di persekitaran perairan pulau itu.